

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 22 OKTOBER 2015 (KHAMIS)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Jarak penglihatan terhad, 10 penerbangan dibatalkan	Berita Harian
2.	32 kawasan catat IPU tidak sihat	Berita Harian
3.	Amaran angin kencang dan laut bergelora sehingga esok	BERNAMA
4.	Amaran angin kencang sehingga Khamis	BERNAMA
5.	Gempa bumi kuat melanda Kepulauan Vanuatu	BERNAMA
6.	Poser over mutton dishes at some PJ restaurants	The Star
7.	Importance of Internet of Things,Big Data Management	New Straits Times

Jarak penglihatan terhad, 10 penerbangan dibatalkan

jam 4 petang," katanya.

IPU merosot berikutan faktor bawaan angin

Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS) negeri, Nor Hayati Yahaya berkata, bacaan IPU di negeri ini semakin merosot di sebelah petang dan faktor bawaan angin turut menjadi penyumbang kepada keadaan berkenaan.

Dalam pada itu, penganjuran Pesta Bola Jaring USM-Penang International (PBJ) kali ke-25 yang dijadualkan berlangsung pada Jumaat hingga Ahad ini diteruskan, berikutan semua perlawanan dibuat di dalam gelanggang tertutup.

Pengarah Pusat Sukan dan Rekreasi USM, Muhamad Mohd Hanif berkata, perkembangan terbaharu itu dibuat berikutan keadaan semasa jerebu yang semakin buruk.

Di **Sabah**, hampir semua kawasan mencatat Indeks Pencemaran Udara (IPU) sederhana dengan bacaan melebihi 50 setakat petang semalam.

Jurucakap Jabatan Meteorologi **Sabah**, berkata jarak ketampakan terendah dicatatkan di Labuan iaitu dua kilometer (km) pada tengah hari, diikuti Tawau (2.2 km) dan Kota Kinabalu (tiga km). Hanya Kudat mencatat jarak

ketampakan melebihi 10 kilometer, semalam.

Setakat semalam, angin masih bertiup dari arah barat daya, membawa asap dari kawasan titik panas di Kalimantan.

Nelayan perlu nyalakan lampu bot

Di **Kuala Selangor**, nelayan di negeri ini tetap turun ke laut menangkap ikan walaupun keadaan kualiti udara semakin merosot dan menghadkan jarak penglihatan serta jerebu yang mengganggu kesihatan.

Pengerusi Persatuan Nelayan Selangor, Mat Jaman Haris, berkata dengan jarak penglihatan yang terhad, nelayan terutama yang menggunakan bot kecil berdepan dengan pelbagai risiko kemalangan kerana tidak dapat melihat dengan jelas.

Di **Seremban**, Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Sembilan, Zainudin Abdul Wahab, berkata pihaknya menasihatkan nelayan sentiasa menyalakan lampu bot ketika berada di laut bagi mengelakkan pelanggaran akibat jerebu.

Katanya, nelayan di perairan Port Dickson turut dinasihatkan membawa wisel dan kerap membunyikannya apabila jarak penglihatan menjadi buruk.

Butterworth: Keadaan jerebu di negeri ini yang semakin buruk semalam, menyebabkan semua penerbangan pada sebelah petang dan malam melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) terpaksa dibatalkan.

Pengurus Kanan Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), Mohd Arif Jaafar, berkata ada 10 penerbangan membabitkan pesawat AirAsia dan Firefly terpaksa dibatalkan ekoran jarak penglihatan yang terhad akibat cuaca jerebu.

"Penerbangan yang dibatalkan membabitkan laluan LTAPP dan Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (LTSAAS) Subang serta LTAPP dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi (LTAL).

"Empat penerbangan antarabangsa membabitkan laluan LTAPP dan Lapangan Antarabangsa Kuala Namo di Medan, Indonesia, terpaksa ditangguhkan berikutan jarak ketampakan di LTAPP merosot kepada 500 meter sehingga

Beberapa penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang terpaksa dibatalkan dan mengalami kelewatan penerbangan akibat jerebu, semalam.

(FOTO MIKAIL ONG/BH)

32 kawasan catat IPU tidak sihat

» Kualiti udara terus merosot, 4,778 sekolah diarah tutup

Oleh Rohaniza Idris
dan Norashikin Leman
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Kualiti udara di kebanyakan negeri terus merosot dengan 32 kawasan mencatatkan bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) pada tahap tidak sihat.

Bacaan IPU yang direkodkan seperti disiarkan dalam laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada jam 10 malam tadi menunjukkan tiada kawasan pada bacaan IPU baik dan 20 kawasan pula mencatatkan status kualiti udara pada tahap sederhana.

Sebanyak 32 kawasan mencatatkan status kualiti udara pada tahap tidak sihat itu adalah Kangar (188), Universiti Sains Malaysia (187), Seberang Jaya 2 (187), Pelabuhan Klang (186), Langkawi (181), Sungai Petani (177), Alor Setar (174), Seri Manjong (173), Shah Alam (172) dan Jalan Pegoh, Ipoh (170).

Yang turut dicatatkan sebagai kualiti udara tidak sihat ialah Sri Aman (165), Prai (157), Banting



(157), Putrajaya (157), Ipoh (156), Batu Muda (155), Taiping (150), Petaling Jaya (146), Kuala Selangor (143), Tanjung Malim (136), Samarahan (132), Kuching (131), Cheras (125), Seremban (124), Sarikei (122), Nilai (121), Sibu (108), Kota Bharu (105) dan Bukit Rambai (106).

4,778 sekolah ditutup

Berikutan bacaan IPU itu, Kementerian Pendidikan memaklumkan 4,778 sekolah dengan kira-kira 2.69 juta murid di beberapa negeri ditutup hari ini.

Ia membabitkan sekolah di Negeri Sembilan, Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Pahang (Bentong), Sarawak (Kuching, Samarahan, Sri Aman dan Betong).

Sekolah di bawah kelolaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) juga terus ditutup hari ini.

Pengarahnya, Datuk Haris Kasim, berkata keputusan itu selaras dengan keputusan Kementerian Pendidikan terus menutup sekolah yang berada di kawasan terjejas teruk dengan masalah jeribu.

Laporan Jabatan Meteorologi Malaysia pula menyatakan pada



Papan LED di Lebuhraya Kemuning Shah Alam memaparkan bacaan IPU 226 iaitu pada paras sangat tidak sihat semalam.

[FOTO MOHD ASRI SAIFUDDIN MAMAT/BH]

masa sekarang, Taufan Koppu berada pada kedudukan 18.9 darjah Utara dan 120.1 darjah Timur, kira-kira 1,383 kilometer (km) ke arah Utara Kudat, Sabah setelah merentasi Kepulauan Luzon pada pagi 19 Oktober 2015.

Taufan Koppu kini berada di Laut China Selatan dan bergerak ke arah Timur-Timur Laut menuju ke Jepun dengan kelajuan 15km/jam manakala, Taufan Champi berada pada kedudukan 21.4 darjah utara dan 140.2 darjah timur, kira-kira 2,944 km ke Timur

Laut Sandakan, Sabah dan sedang bergerak ke arah utara dengan kadar perlahan.

Taburan hujan dijangka berkurangan

Kehadiran kedua-dua sistem tropika siklon itu masih mempengaruhi corak tiupan angin di kawasan serantau negara kita untuk sepanjang tempoh tinjauan di atas.

Taburan hujan juga dijangka berkurangan kerana kawasan serantau negara kita akan dipengaruhi oleh tiupan angin Barat Daya

dengan kelajuan yang sederhana.

Berdasarkan laporan Pusat Meteorologi Khusus ASEAN (ASMC), imej satelit Pentadbiran Hidupan Laut dan Atmosfera Kebangsaan (NOAA) mengesan sebanyak 68 titik panas di Kalimantan manakala di Sumatera dicatatkan 36 titik panas dikesan disebabkan cerapan satelit tidak menyeluruh dan diliputi oleh awan.

Di dalam negara pula tiga titik panas (hotspot) dikesan iaitu di negeri Sabah.



Amaran Angin Kencang Dan Laut Bergelora Sehingga Esok



Gambar Hiasan

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Angin kencang dan laut bergelora di kawasan perairan Sabah (Sandakan, Kudat, Pantai Barat dan Pedalaman) dan Labuan diramal berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), keadaan angin kencang barat daya dengan kelajuan 40 hingga 50 kilometer sejam (kmsj) dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter itu adalah berbahaya kepada bot kecil, rekreasi dan sukan laut.

Situasi yang sama juga dijangka berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Palawan dan Sulu.

Ketampakan rendah kurang dari tiga kilometer di sekitar perairan Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kuching, Tawau, Selat Melaka, Tioman, Bunguran dan Sulawesi oleh jerebu juga diramal berterusan sehingga esok.

Keadaan itu berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran, menurut jabatan tersebut.

Sementara itu amaran ribut petir di kawasan perairan Condore, Reef North, Layang-layang, Labuan dan Sulu diramal berterusan sehingga awal petang ini.

Keadaan itu menyebabkan angin kencang sehingga 50 kmsj dan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter dan berbahaya kepada bot-bot kecil.



Amaran Angin Kencang Sehingga Khamis

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Angin kencang barat daya di kawasan perairan Sabah dan Labuan dijangka berterusan sehingga esok.

Menurut kenyataan Jabatan Meteorologi, keadaan angin berkelajuan 40 dan 50 kilometer sejam (km/j) dan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter itu berbahaya kepada bot kecil, aktiviti rekreasi laut dan sukan laut.

Sementara itu, ketampakan rendah kurang dari tiga kilometer di sekitar perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kuching dan Tawau turut dijangka berterusan sehingga esok.

Jabatan itu memaklumkan keadaan berkenaan berbahaya kepada kapal yang tidak mempunyai navigasi pelayaran.

-- BERNAMA



Gempa Bumi Kuat Melanda Kepulauan Vanuatu

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Satu gempa bumi kuat berukuran 7.3 pada skala Richter melanda Kepulauan Vanuatu yang berada antara Australia dan Fiji pada pukul 5.52 pagi tadi.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan hari ini berkata pusat gempa adalah 5,837 kilometer dari tenggara Tawau.

Gempa tidak membawa ancaman Tsunami, kata jabatan itu.

-- BERNAMA

Poser over mutton dishes at some PJ restaurants

Test results reveal four restaurants found guilty of unethical practice

story by
VINCENT TAN

vincent.tan@thestar.com.my



YOUR mutton *varuval* might not contain mutton after all, according to an analysis done on several eateries throughout Petaling Jaya.

Petaling Jaya City Council (MBPJ) Health and Environment director Dr Chitra N. Vadivelu confirmed that her staff from the Food Quality Control Unit had taken samples from both Indian and Indian-Muslim restaurants.

"Five months back, we received a report about another meat mixed with mutton being served in Indian restaurants.

"We acted on this and secured samples to send to the **Chemistry Department** for animal DNA analysis," said Dr Chitra.

She explained that her staff had gone in a week before securing the samples, informing the restaurant operators to properly label their dishes.

While Dr Chitra was told at first that the analysis would take only days, the process ended up lasting a few months, according to documents sighted by *StarMetro*.

A list dating from June 23 showed 10 samples taken from nine restaurants.

The same list showed four restaurants – three serving Indian cuisine and the fourth an Indian-Muslim establishment – testing negative for goat DNA.

"In our request to the Chemistry Department, we asked them to analyse if the meat samples had goat DNA," said Dr Chitra, with the assumption that the analysis



Petaling Jaya City Council has discovered at least four restaurants operating within the Bukit Gasing constituency have been serving mutton dishes that do not contain mutton. — Photo for illustration purpose only.

would also identify the correct animal DNA.

In a twist of bureaucratic procedure, it turns out that Dr Chitra's department, if it wanted to ascertain the exact animal DNA for the four establishments in question, would have to request for a second analysis.

"Currently, we are awaiting the second lab results before we take legal action against the proprietors," she said.

One possible cause for this could be the expensive price of local mutton as supply is limited.

If back in 2010, butchers were already substituting imported mutton for buffalo meat when mutton was hitting RM17 a kilo, prices are even higher now.

Current Malaysian Indian Restaurant Owners Association (Primas) chairman Muthusamy Thirumeni said mutton imported from Australia was now selling for RM25 a kilo, at wholesale prices.

"When you ask for local mutton, it's even more expensive, at over RM40," he said.

By contrast, beef was going for RM15

when *StarMetro* checked with Muthusamy on Sept 25.

"With these meat prices, you can understand why some restaurant operators would resort to substituting their meat to keep prices low," said Muthusamy.

He added that if it was indeed proven that the restaurants had replaced mutton for other red meats, the authorities should take action against the restaurants they had identified to shore up consumer confidence.

"This is definitely not right. People are coming to our restaurants with the confidence that our dishes are definitely mutton.

"On top of that, there is religious sensitivity involved," said Muthusamy.

Previously, Muthusamy said, Primas members had heard of customers voicing their suspicions about the meat served but nothing concrete had surfaced.

"If the meat was already falsely labelled even before it reached the restaurant, then perhaps it might not be the restaurant's fault," he added.

PJ councillor Sean Oon originally

received the complaint back in February this year and decided to go to the Health and Environment departments with the complaint.

"We also asked for the Chemistry Department's analysis report, from a blind analysis done with only numbered samples.

"Only MBPJ has the names to go with the sample numbers, so we are just waiting to confirm the exact animal DNA for those which are not mutton and proceed from there," said Oon.

When asked about the second round of lab tests recently, Dr. Chitra said that if they were to submit a new sample, this would render the first results null and void.

However, based on the existing evidence, they would begin legal proceedings against the restaurants and had submitted the necessary documents to the council's Legal Department.

"We are proceeding under Section 14 of the Food Act 1983, which prohibits against the sale of food not of the nature, substance or quality demanded," said Dr. Chitra.

Importance of Internet of Things, Big Data Management

INTERNET has been part of everyday life of those fortunate enough to have access to the network. Electronic gadgetry, software, sensors and network connectivity assist mankind to access the vast data and information available around the world.

However, data and information collection and exchange within the Internet are almost wholly dependent of human input, which is less efficient due to time constraint, lack of attention and accuracy.

Billing system for household electricity supply is the simplest example to illustrate the interaction between humans and the computer system.

Meter readers are the source of data input into the central computer system of a utility company, which in turn processes the data for billings. Human dependence on the data shows inaccuracy of the sup-



posedly mechanised billing system.

Today, advanced billing system starts with the electric metres being "smart" and able to record the amount of electricity consumed within a period of time, and transmit the data to the central computer system directly via the Internet, thereby eliminating human involvement in the data collection. The efficiency and accuracy of billings are apparent while at the same time contributing to reduction in waste, losses and costs.

This concept of Internet applica-

tion in products and human activities is now identified as the "Internet of Things (IOT)". The name was coined sometime in 1999, showing that machine-to-machine communication via the Internet has been developed for more than a decade. The above billing system or product is considered as an object or a "thing" in the IOT and experts estimate that the IOT will consist of almost 50 billion objects by 2020.

Modern vehicles of today have numerous built-in sensors, each with designated function or "Thing" to alert the drivers of the vehicle's condition, driving conditions and other useful information. Remote monitoring of the vehicles can be achieved via the Internet if each of the "Things" in the vehicles is assigned with an Internet Protocol (IP) address and provided with the ability to transfer data over the network.

IOT application within the automotive sector, albeit in the aspect of vehicle monitoring, maintenance, etc, and the management of the automotive industry per se, for both the manufacturing and marketing aspects, will lead to accumulation of large volumes of data and information. Ability to manage this "Big Data" is crucial to ensure successful implementation of the concept.

Big Data Management (BDM) is the process of examining large data sets containing a variety of data types to uncover hidden patterns, unknown correlations, market trends, customer preferences and other useful business information.

The data that has been analysed would be useful for remedial actions to reduce failures or to improve product design. In all the application of IOT and BDM would improve the efficiency and quality of products and increasing in values of new

product ideas, inspiring a surge in productivity and innovation and therefore improve the industry's global competitive advantage.

Realising the importance and the potential of the IOT and BDM in advancing the capability and competitiveness of the local automotive industry, MAI has initiated the MAI Intelligent Technology Solution — the IOT version for the automotive industry.

The platform would provide solution for engineering, manufacturing and marketing, and be able to enhance the value creation process of the local automotive industry. With a single, easy-to-use interface, the platform provides solution using analysis, simulation, and intelligence software in a collaborative and interactive environment.

The writer is chief executive officer of Malaysia Automotive Institute.